



PERHIMPUNAN BULANAN INTAN BAGI APRIL 2026

TEKS UCAPAN PENGARAH INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)

**“KETANGKASAN DIGITAL, PEMACU DAYA
TAHAN GLOBAL DAN KELESTARIAN BUMI”**

**TARIKH : 27 APRIL 2026 (ISNIN)
MASA : 10.00 PAGI
TEMPAT : DEWAN SRI BAIDURI,
INTAN BUKIT KIARA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

SALUTASI

Yang Berusaha Encik Rusli bin Harun,

Timbalan Pengarah Kanan (Pembangunan Kompetensi);

Yang Berusaha Dr. Wan Baharudin bin Wan Mahmud,

Timbalan Pengarah (Penilaian Program dan Potensi);

Yang Berusaha Puan Rohana binti Mohd Ali,

Timbalan Ketua Pusat Pengajian Teknologi Maklumat
dan Pembangunan Teknologi (IMATEC)

(yang sekarang sedang menjalankan tugas Ketua Pusat IMATEC),
selaku penganjur Perhimpunan Bulanan INTAN bagi bulan April
2026;

Ketua-Ketua Pusat dan Program Pengajian;

Felo-felo Penyelidik Kanan INTAN;

Pengarah-pengarah Kampus Wilayah INTAN;

Serta warga INTAN yang saya kasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama sempena **Perhimpunan Bulanan INTAN (PBI) bagi bulan April 2026**.
2. **Syabas dan tahniah kepada penganjur PBI bulan ini, iaitu IMATEC** atas komitmen dan usaha memastikan perhimpunan ini dapat dilaksanakan.
3. Begitu juga, **terima kasih kepada semua warga INTAN** yang dapat hadir pada pagi ini. Apa khabar semuanya? Saya doakan semua berada dalam keadaan yang sihat sejahtera, sentiasa cergas dan cerdas serta selalu bersiap siaga untuk memberikan perkhidmatan INTAN yang terbaik.
4. Apatah lagi memasuki akhir bulan April dan bulan-bulan seterusnya banyak program yang bakal INTAN laksanakan – sama ada yang sudah sedia ada dalam perancangan, mahupun juga yang diarahkan oleh kepimpinan tertinggi untuk kita anjurkan.

LANDSKAP SEMASA DIGITAL DI MALAYSIA

Hadirin sekalian,

5. Memulakan ucapan, izinkan saya membawa perhatian semua kepada landskap digital semasa di Malaysia.

6. Berdasarkan laporan ***Oxford Insights*** (2025), Malaysia kini berada **di tangga ke-24 dunia bagi *Government AI Readiness Index*** – suatu pencapaian yang membuktikan polisi digital di negara kita semakin matang.
7. Perkara ini turut disokong oleh **pelaburan besar syarikat teknologi gergasi seperti Google (USD2 bilion) dan Microsoft (USD2.2 bilion)**. Lantas, menuntut kita di sektor awam untuk tidak sekadar menjadi pemerhati, sebaliknya bertindak sebagai perintis yang memudah cara ekosistem teknologi ini.
8. Dalam pada itu, berdasarkan laporan **Bank Dunia (Oktober 2025)**, negara yang mempunyai **keupayaan digital yang tinggi lebih mampu menyampaikan perkhidmatan dengan pantas serta lebih tangkas bertindak balas** terhadap perubahan ekonomi. Ini bermakna, keupayaan kita bukan lagi dinilai berdasarkan prosedur semata-mata, tetapi sejauh mana kita mampu memanfaatkan data dan teknologi untuk membuat keputusan yang lebih pantas, tepat dan berimpak.

DNA DIGITAL: MEMBINA ASAS 4P DALAM SEKTOR AWAM

9. Oleh itu, keupayaan digital tidak boleh diukur melalui fasiliti dan infrastruktur semata-mata. Ia sangat bergantung kepada kompetensi penjawat awam, tadbir urus data yang baik serta pembudayaan teknologi secara menyeluruh. Kata mudahnya, **digital mestilah menjadi sebahagian daripada DNA organisasi.**

10. Kita di Malaysia bertuah kerana asas ini telah wujud melalui gabungan **4P, iaitu platform, policy, people dan participation**. Di peringkat nasional, kita ada panduan strategik seperti Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (2021 – 2030), Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam, dan terkini, Rancangan Pendigitalan Sektor Awam (RPSA) (2026 – 2030).
11. Malah, pelbagai inisiatif berimpak tinggi telah diperkenalkan bagi memperkukuh ekosistem digital negara. Antaranya MyJPJ, MyDigital ID, MySejahtera dan sebagainya. Begitu juga dengan prakarsa yang memanfaatkan teknologi internet benda (Internet of Things – IoT) dalam pengurusan bandar pintar (smart city), penggunaan data analitik dalam sistem amara awal banjir (MyPublic InfoBanjir Jabatan Pengairan dan Saliran), Sistem Radar Cuaca (oleh Jabatan Meterologi Malaysia) dan banyak lagi.
12. Hasilnya, data Jabatan Digital Negara (JDN) pada Januari 2026 menunjukkan **80 peratus perkhidmatan kerajaan kini berstatus hujung-ke-hujung (end-to-end), dengan 373,346 penjawat awam memanfaatkan kecerdasan buatan (AI)** dalam tugas harian.
13. Namun, kita juga harus sedar bahawa kekuatan sebenar kepada 4P ini terletak pada satu elemen yang sering tidak kelihatan, iaitu kepercayaan (trust). Tanpa tadbir urus data yang telus, keselamatan siber yang kukuh dan etika penggunaan teknologi yang tinggi, segala kemajuan digital boleh menjadi liabiliti dan bukannya kelebihan strategik.

PERANAN INTAN: MEMACU KOMPETENSI DIGITAL, MENGEMUDI REVOLUSI PEMBELAJARAN

Maka hadirin sekalian,

14. Di sinilah terletak dimensi penting peranan INTAN. Sebagai institusi latihan utama perkhidmatan awam, **INTAN memikul tanggungjawab untuk melengkapkan penjawat awam dengan kompetensi digital, analitik dan teknologi baharu.** Keupayaan ini penting bagi memastikan penjawat awam mampu beroperasi secara berkesan dalam persekitaran yang semakin kompleks dan saling berhubung.
15. Terkait dengan itu, pada 6 Mac yang lalu, semasa Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Jabatan Perkhidmatan Awam (MPT JPA) bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya telah membentangkan cadangan untuk mengangkat **IMATEC sebagai Pusat Kecemerlangan Latihan Kecerdasan Buatan Sektor Awam.** Cadangan ini secara dasarnya telah mendapat persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.
16. Sebenarnya, asas kita sudah kukuh. Sejak 2021, program bitara berteraskan teknologi baharu yang kita anjurkan telah merekodkan lebih 800,000 penyertaan. Bahkan, beberapa pegawai INTAN turut dihantar berkursus ke luar negara seperti di Abu Dhabi, Sepanyol, Belanda dan India untuk membina serta memperkukuh kepakaran dalaman.

17. Namun begitu, saya ingin tegaskan bahawa ukuran sebenar kepada pencapaian kita adalah pada sejauh mana latihan yang dilaksanakan berjaya mengubah cara bekerja dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Oleh itu, pendekatan latihan INTAN perlu terus diperkasakan melalui beberapa penekanan utama.
18. **Pertama, kandungan latihan mestilah sentiasa relevan dan ke hadapan.** Kursus yang ditawarkan perlu mengambil kira perkembangan semasa seperti kecerdasan buatan, analitik data, keselamatan siber dan teknologi awan. Latihan juga perlu lebih berasaskan aplikasi supaya boleh terus digunakan dalam konteks tugas.
19. **Kedua, pembelajaran perlu bersifat berterusan dan mudah diakses.** Dalam hal ini, langkah untuk melaksanakan kajian hala tuju baharu E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA®) diharap dapat menghasilkan satu ekosistem pembelajaran digital yang lebih responsif, diperibadikan dan berimpak tinggi. Ekosistem ini juga perlu berupaya menyokong pembelajaran sendiri secara fleksibel, di samping membolehkan penjejakan kompetensi serta pengenalpastian jurang kemahiran secara lebih sistematik.
20. **Ketiga, jalinan kerjasama strategik perlu diperkukuh.** Kerjasama dengan agensi dan industri seperti CyberSecurity Malaysia, Petronas Leadership Centre dan CISCO Networking Academy perlu dimanfaatkan secara optimum bagi mempercepat pemindahan kepakaran dan memastikan kandungan latihan sentiasa relevan.

21. **Keempat, budaya digital mesti diterjemahkan dalam amalan kerja seharian.** Apa yang dipelajari dalam latihan perlu dizahirkan dalam bentuk tindakan sama ada dalam penggunaan teknologi, penambahbaikan proses kerja, mahupun inovasi dalam penyampaian perkhidmatan.
22. Dan **kelima, kita perlu beralih daripada pendekatan latihan untuk kehadiran (training for attendance) kepada latihan untuk impak (training for impact).** Setiap program latihan perlu diukur keberkesanannya bukan hanya melalui kehadiran peserta, tetapi melalui perubahan nyata dalam prestasi kerja, peningkatan produktiviti dan inovasi yang dihasilkan.

PENDIGITALAN DAN AGENDA KELESTARIAN

Hadirin sekalian,

23. Pendigitalan juga memainkan peranan penting dalam menyokong agenda kelestarian. Seperti yang semua saksikan dalam montaj pada awal majlis tadi. KSN dalam amanat awal tahun beliau tempoh hari telah menekankan berkenaan dengan keperluan supaya **semua urusan pentadbiran rasmi mestilah dilaksanakan secara digital semaksimumnya.** *Paperless*, bukan *paper less*.
24. Perkara ini selaras dengan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan strategi keberhasilan reformasi berhubung amalan hijau di bawah Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam.

25. Antara reformasi budaya kerja yang mesti diterapkan termasuklah **pelaksanaan mesyuarat tanpa kertas serta edaran dokumen secara elektronik**. Di INTAN, saya dapati masih ada ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan. Misalnya dalam aspek pengurusan dokumen secara elektronik menggunakan Digital Document Management System (DDMS).
26. Berdasarkan maklumat yang saya perolehi daripada JDN, ketidakseimbangan penggunaan DDMS di INTAN agak ketara. Ada Pusat, Program dan Unit yang tinggi penggunaannya, ada juga yang rendah dan ada yang tidak guna langsung. Malah, saya dapati maklumat seperti nama Pusat, Program, Pejabat dan Unit masih tidak dikemas kini.
27. Dalam hal ini saya harap Pejabat Pendaftar selaku Pentadbir DDMS INTAN dapat meningkatkan lagi usaha penggunaan DDMS dalam kalangan warga INTAN.
28. Sesungguhnya, jika budaya kerja kita tidak berubah, maka sehebat mana pun sistem yang kita bangunkan, hasilnya tidak akan mencapai tahap yang diharapkan.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

29. Dunia tidak menunggu kita bersedia. Sebaliknya, kitalah yang perlu mencipta kesediaan itu dengan keberanian untuk berubah dan belajar semula.

30. Oleh itu, marilah kita bersama-sama melangkah dengan tekad yang jelas menjadikan ketangkasan digital sebagai pemacu sebenar daya tahan dan kelestarian.
31. Teruslah menjadikan digitalisasi sebagai cara kita bekerja, cara kita membuat keputusan dan cara kita menterjemahkan setiap amanah yang dipikul. Ingatlah bahawa, dalam era ini, kelebihan bukan lagi milik yang paling kuat atau yang paling lama bertahan, tetapi milik mereka yang paling cepat menyesuaikan diri.
32. Semoga INTAN terus kekal relevan, unggul dan menjadi peneraju dalam membentuk penjawat awam yang berdaya saing serta berfikiran ke hadapan.

Sekian, terima kasih.

-TAMAT-

(1,222 patah perkataan tidak termasuk salulasi)